

Perkembangan Gabungan Politik di Tanah Melayu, 1947–1974: Analisis Faktor, Isu dan Keberkesanan terhadap Landskap Politik

Political Coalition Developments in Malaya, 1947–1974: An Analysis of Factors, Issues, and Their Effectiveness on the Political Landscape

Muhammad Naim Fakhirin Rezani

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

*Corresponding Author: naimfakhirin@usm.my

Received: 12 February 2026

Accepted: 15 March 2026

Published: 30 May 2026

Abstrak

Kajian ini membincangkan perkembangan gabungan politik di Tanah Melayu dalam tempoh 1947 hingga 1974 dengan memberi tumpuan kepada faktor pembentukan, isu serta cabaran dan keberkesannya terhadap landskap politik. Tempoh tersebut merupakan fasa kritikal yang menyaksikan peralihan daripada kerjasama politik bersifat pragmatik kepada gabungan politik oleh *All-Malayan Council Joint Action* (AMCJA)-Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), Parti Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional (BN). Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis perkembangan gabungan politik di Tanah Melayu antara 1947 hingga 1974 dengan meneliti faktor pembentukan, isu serta cabaran yang dihadapi, dan keberkesannya dalam membentuk landskap politik negara. Berdasarkan pendekatan kualitatif, kajian ini menganalisis dokumen arkib, dokumen rasmi, laporan kerajaan serta dokumen parti politik bagi memahami kepelbagaian gabungan dalam konteks peralihan kolonial ke pascakolonial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembentukan gabungan politik didorong oleh keperluan kestabilan politik, pengurusan kepelbagaian etnik, tekanan pentadbiran kolonial, serta strategi elit politik dalam menghadapi persaingan ideologi dan pilihan raya. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendapati bahawa gabungan politik awal berdepan pelbagai isu dalaman, termasuk ketidakseimbangan kuasa antara parti komponen, konflik kepentingan etnik, dan keterbatasan mekanisme pengurusan konflik. Dari sudut keberkesanan, gabungan politik berjaya mengekalkan kestabilan politik dan membentuk sistem kepartian dominan, namun pada masa yang sama menyumbang kepada pengecilan ruang persaingan politik dan pengukuhan dominasi elit. Kajian ini menyumbang kepada literatur politik Malaysia dengan menawarkan penilaian kritikal terhadap gabungan politik awal, sekali gus memperluas pemahaman tentang implikasi jangka panjang model politik gabungan dalam konteks negara pascakolonial.

Kata kunci: Gabungan politik, Perikatan, Barisan Nasional, Tanah Melayu, politik pascakolonial

Abstract

This study discusses the development of political coalitions in Malaya from 1947 to 1974, focusing on the factors that formed them, issues, challenges and their effectiveness on the political landscape. This period was a critical phase that witnessed the transition from pragmatic political cooperation to the institutionalization of political coalitions by All-Malayan Council Joint Action (AMCJA)-Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), the Alliance Party and subsequently the Barisan Nasional. Based on a qualitative approach, this study analyzed archival documents, official documents, government reports and political party materials to understand the diversity of coalitions in the context of the colonial to postcolonial transition. The study findings show that the formation of political coalitions was driven by the need for political stability, the management of ethnic diversity, the pressure of the colonial administration, and the strategies of political elites in facing ideological and electoral competition. However, this study also found that early political coalitions faced various internal issues, including the imbalance of power between component parties, conflicts of ethnic interests, and the limitations of conflict management mechanisms. From an effectiveness perspective, political coalitions succeeded in maintaining political stability and forming a dominant party system, but at the same time contributed to the reduction of the space for political competition and the strengthening of elite dominance. This study contributes to the Malaysian political literature by offering a critical assessment of early political coalitions, thereby broadening understanding of the long-term implications of coalition political models in the context of a postcolonial country.

Keywords: *political coalition, Alliance, Barisan Nasional, Malaya, post-colonial politics*

Pengenalan

Pembentukan gabungan politik di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua merupakan antara fenomena politik paling signifikan dalam sejarah perkembangan sistem politik moden negara ini. Keadaan politik pascaperang yang dicirikan oleh kejatuhan legitimasi penjajah British, kebangkitan kesedaran politik tempatan, serta kemunculan pelbagai aliran ideologi mendorong pemimpin politik tempatan membentuk kerjasama yang lebih tersusun dan strategik. Dalam konteks tersebut, gabungan politik muncul bukan sekadar sebagai mekanisme pilihan raya, tetapi sebagai wadah penting untuk mengurus kepelbagaian etnik, menstabilkan persaingan politik dan memudahkan peralihan kuasa daripada pentadbiran kolonial kepada pemerintahan sendiri (Crouch, 2019).

Tempoh 1947 hingga 1974 merupakan fasa kritikal terhadap perubahan gabungan politik di Tanah Melayu, seterusnya Malaysia. Bermula dengan usaha awal kerjasama politik antara parti-parti berasaskan etnik dan kepentingan komuniti menjelang pilihan raya perbandaran dan Persekutuan, tempoh tersebut menyaksikan pembentukan gabungan politik melalui AMCJA-PUTERA, Parti Perikatan dan seterusnya dijenamakan kepada BN pada tahun 1974. Perubahan tersebut bukan sahaja mencerminkan perubahan strategi politik elit, malah menjadikan pengukuhan model politik gabungan yang berteraskan perkongsian kuasa dan dominasi parti teras dalam sistem kepartian negara (Mellors, 2025). Oleh itu, tempoh antara 1947 hingga 1974 merupakan perkembangan penting terhadap politik Tanah Melayu untuk memahami asas struktur, budaya politik dan mekanisme tadbir urus gabungan yang terus memberi kesan terhadap landskap politik Malaysia hingga ke hari ini.

Berdasarkan kepada perkara itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan gabungan politik di Tanah Melayu antara 1947 hingga 1974 dengan memberi tumpuan kepada tiga dimensi utama, iaitu faktor pembentukan, isu dan cabaran dalaman, serta keberkesanan gabungan politik terhadap landskap politik. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor politik, sosial dan institusional yang mendorong pembentukan gabungan politik, menganalisis isu serta konflik yang wujud dalam gabungan dan menilai tahap keberkesanan gabungan politik dalam membentuk kestabilan politik, sistem kepartian dan corak pemerintahan negara. Berdasarkan objektif tersebut, kajian ini dipandu oleh persoalan utama tentang sejauh mana gabungan politik awal di Tanah Melayu berfungsi sebagai mekanisme pengurusan kestabilan politik, serta batasan yang wujud dalam model gabungan tersebut. Dari segi latar masa, kajian ini memfokuskan kepada perkembangan gabungan politik di Tanah Melayu dan Malaysia dalam tempoh 1947 hingga 1974, merangkumi fasa sebelum dan selepas awal kemerdekaan serta pembentukan BN.

Kajian Literatur

Kajian terdahulu mengenai gabungan politik di Tanah Melayu cenderung memberi penekanan kepada naratif kejayaan Perikatan dan BN dalam mengekalkan kestabilan politik serta memenangi pilihan raya. Pendekatan tersebut sering bersifat deskriptif, dengan tumpuan terhadap kepimpinan elit dan kompromi antara etnik, tanpa analisis mendalam terhadap faktor pembentukan, dinamika konflik dalaman, serta tahap keberkesanan sebenar gabungan tersebut dalam jangka panjang. Selain itu, aspek keberkesanan gabungan politik awal sering dinilai secara retrospektif berdasarkan kelangsungan kuasa dan kurang meneliti keterbatasan struktur, ketegangan ideologi, serta implikasi terhadap demokrasi dan persaingan politik.

Antara kajian oleh sarjana terdahulu mengenai politik Tanah Melayu adalah Yeoh (2025), Mohd Azizuddin Mohd Sani (2023) dan Muhammad Naim Fakhirin (2025a). Ketiga-tiga kajian tersebut membincangkan mengenai kedudukan politik Tanah Melayu yang banyak didominasi dan dipengaruhi oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO/*United Malays National Organization*) sejak penubuhan parti itu pada 1946. Walaupun ketiga-tiga kajian itu menyentuh mengenai strategi UMNO bagi memastikan kelangsungan politik parti itu, namun ketiga-tiga kajian tersebut tidak membincangkan dengan lanjut mengenai kedudukan dan pendekatan UMNO terhadap gabungan politik di Tanah Melayu, sekali gus menyebabkan berlakunya kelompongan pada perkara tersebut. Dapatan kajian oleh Hack (2021) berbeza berbanding kajian sebelumnya kerana kajian ini membincangkan gerakan politik awal di Tanah Melayu dengan menyatakan strategi AMCJA untuk bergabung dengan PUTERA bagi mendapatkan kemerdekaan awal di Tanah Melayu. Namun begitu, kajian tersebut tidak menyatakan strategi utama gabungan tersebut dibentuk dan faktor gabungan politik awal itu tidak diterima dengan baik oleh masyarakat Melayu, terutama dalam kalangan parti politik lain.

Selain itu, kajian mengenai gabungan politik secara konseptual turut dilakukan oleh sarjana lain. Antara kajian tersebut adalah Mellors (2025), Mullera, Back & Hellstrom (2024), Jang (2023) dan Young (2021). Kajian yang dinyatakan itu merumuskan gabungan politik dilakukan disebabkan oleh kepentingan untuk mendominasi eksekutif negara semata-mata. Misalnya Mellors (2025) menyatakan gabungan politik oleh Parti Buruh di Britain disebabkan oleh tujuan parti itu untuk mendominasi politik Britain. Jang (2023) menyatakan Parti Ba'ath di Iraq bergabung dengan parti-parti kecil yang lain bagi mengekalkan penguasaan terhadap

politik Iraq. Walaupun begitu, rumusan situasi yang berlaku berbeza berbanding di Tanah Melayu kerana gabungan politik itu dilakukan untuk tujuan kepentingan rakyat iaitu pada gabungan peringkat awal adalah untuk merdekakan Tanah Melayu dari British dan penubuhan BN adalah bagi mencegah rusuhan kaum dari terus berlaku. Justeru, kajian ini akan membincangkan lebih lanjut mengenai perkembangan gabungan politik di Tanah Melayu dalam tempoh 1947 hingga 1974.

Metodologi Kajian

Kajian mengenai gabungan politik di Tanah Melayu dalam tempoh 1947-1974 ini dilakukan berasaskan kaedah kualitatif dalam kerangka sejarah politik yang memberi tumpuan terhadap analisis gabungan politik utama di Tanah Melayu bermula dari AMCJA-PUTERA sehingga kepada BN. Pendekatan tersebut dipilih kerana membolehkan penelitian terhadap konteks, proses dan perubahan struktur politik secara interpretatif serta berasaskan bukti sejarah. Di samping itu, kajian ini memanfaatkan analisis dokumen sebagai kaedah utama, melibatkan penelitian sumber primer seperti dokumen arkib dari The National Archive, Kew dan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, laporan rasmi kerajaan dan rekod persidangan parti. Dokumen tersebut dianalisis secara kritikal bagi menilai wacana, strategi dan pertimbangan pemimpin politik utama dalam pembentukan serta perkembangan gabungan politik. Dari segi teknik analisis, kajian ini menggabungkan kaedah tematik untuk mengenal pasti pola isu, faktor dan bentuk keberkesanan gabungan, serta pendekatan kronologi bagi menelusuri perubahan dan kesinambungan politik sepanjang tempoh kajian. Justifikasi pemilihan tempoh 1947–1974 adalah signifikan kerana tempoh tersebut merangkumi fasa transisi penting daripada era prakemerdekaan melalui gabungan AMCJA-PUTERA dan pembentukan Perikatan, kepada pengukuhan struktur politik pasca-1969 serta pembentukan BN pada 1974, sekali gus menyediakan kerangka komprehensif untuk memahami evolusi institusi gabungan politik dalam konteks pembinaan negara.

Definisi Gabungan Politik dan Perkembangannya di Tanah Melayu Sehingga 1942

Secara konseptual, gabungan politik merujuk kepada kerjasama formal atau tidak formal antara dua atau lebih komponen politik sama ada parti, kumpulan elit atau institusi kuasa yang dibentuk bagi mencapai matlamat politik bersama, khususnya dalam konteks pemerintahan, pengagihan kuasa dan pengurusan konflik (Shapiro, 2023). Dalam kerangka Teori Gabungan Politik, gabungan terbentuk berdasarkan pertimbangan rasional pemimpin politik untuk memaksimumkan kuasa, kestabilan dan kelangsungan pemerintahan dalam persekitaran politik yang bersifat kompetitif dan berbilang kepentingan. Teori tersebut menekankan bahawa pembentukan gabungan lazimnya dipengaruhi oleh faktor seperti imbangan kuasa, kepentingan strategik, keperluan pengabsahan kuasa, serta kekangan struktur institusi politik (Haas, 2023).

Walaupun teori gabungan politik lazimnya dibincangkan dalam konteks sistem parti moden dan pilihan raya, namun konsep asas gabungan politik bukanlah strategi baharu dalam sejarah politik Tanah Melayu. Malah, amalan pembentukan gabungan politik telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, meskipun dalam bentuk yang berbeza daripada sistem politik kontemporari. Dalam tempoh tersebut, gabungan politik terjelma melalui hubungan strategik antara sultan, pembesar, dan kelompok elit perdagangan sebagai mekanisme untuk mengekalkan kestabilan politik, mengurus kepelbagaian kepentingan, serta menjamin

keselamatan dan kemakmuran kerajaan (Muhammad Yusof Hashim, 2016). Hubungan diplomatik dengan kuasa luar, termasuk China dan kerajaan serantau, juga boleh ditafsirkan sebagai bentuk gabungan politik bersifat pragmatik yang berasaskan kepentingan bersama. Justeru, gabungan politik telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, walaupun berbeza dari aspek tindakan pendekatan tersebut dilakukan.

Dalam konteks pasca Kesultanan Melayu Melaka, pembentukan gabungan politik terus berlaku pada zaman kesultanan Melayu yang lain melalui pakatan antara sultan dengan golongan bangsawan tempatan serta pemimpin komuniti. Gabungan tersebut berfungsi sebagai asas tadbir urus tradisional yang menekankan keseimbangan kuasa antara pusat dan wilayah, serta antara autoriti politik dan struktur sosial. Misalnya, pembentukan Kesultanan Selangor pada 1743 adalah berdasarkan kepada gabungan entiti politik Melayu bersama penghulu-penghulu di negeri tersebut. Melalui gabungan politik tersebut, Raja Lumu berjaya membentuk kerajaan yang adil untuk semua pihak (Ahmad Farhan, 2021). Walaupun begitu, bentuk gabungan politik tersebut bersifat elit dan tidak melibatkan penyertaan masyarakat tempatan secara jelas, selaras dengan sifat politik pra-modern yang berasaskan ketaatan dan hierarki.

Perkembangan gabungan politik di Tanah Melayu memasuki fasa baharu dengan kemunculan kuasa kolonial British pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Pentadbiran kolonial memperkenalkan struktur politik moden yang memerlukan kerjasama antara pihak British dan elit tempatan, terutamanya melalui sistem Residen dan Majlis Mesyuarat Persekutuan. Dalam kerangka tersebut, gabungan politik wujud dalam bentuk kerjasama antara pentadbiran kolonial dan pemerintah Melayu, yang bertujuan memastikan kelancaran pentadbiran dan mengekalkan kestabilan politik (Syaza Shukri, 2024). Walaupun tidak bersifat demokratik, gabungan tersebut mencerminkan prinsip asas gabungan politik, iaitu pembentukan kerjasama politik untuk mengurangkan konflik dan mengoptimalkan kawalan kuasa.

Menjelang awal abad ke-20, perkembangan pendidikan moden dan kesedaran politik dalam kalangan masyarakat tempatan mula melahirkan pertubuhan dan gerakan politik awal. Walaupun sebelum 1942 belum wujud gabungan politik berasaskan parti seperti era pascaperang, kerjasama antara pertubuhan Melayu, pertubuhan kebajikan dan persatuan intelektual menunjukkan bibit awal pembentukan gabungan politik moden (Muhammad Naim Fakhirin, 2025a). Usaha-usaha tersebut, walaupun terhad oleh kawalan kolonial, menyediakan asas penting kepada perkembangan gabungan politik yang lebih tersusun selepas Perang Dunia Kedua (Muhammad Naim Fakhirin, 2025a).

Oleh demikian, perkembangan gabungan politik di Tanah Melayu sebelum 1942 memperlihatkan evolusi daripada bentuk gabungan tradisional berasaskan elit dan institusi kesultanan kepada bentuk kerjasama politik yang lebih kompleks dalam kerangka kolonial. Perkembangan sejarah politik tersebut menunjukkan bahawa gabungan politik bukanlah fenomena asing terhadap politik Tanah Melayu, sebaliknya merupakan strategi berterusan yang disesuaikan mengikut perubahan struktur kuasa dan konteks politik. Justeru, pemahaman terhadap perkembangan awal tersebut penting bagi menilai pembentukan dan keberkesanan gabungan politik moden selepas 1945 dalam konteks sejarah yang lebih panjang dan kompleks dengan melibatkan rakyat melalui gerakan massa.

Faktor Pembentukan Gabungan Politik di Tanah Melayu

Pembentukan gabungan politik di Tanah Melayu merupakan hasil interaksi kompleks antara tekanan struktur kolonial, keperluan kestabilan politik, serta strategi rasional elit politik dalam

menghadapi realiti masyarakat majmuk yang berlapis dari segi etnik, ekonomi dan geografi. Dalam konteks pentadbiran kolonial British yang menstrukturkan masyarakat melalui pemisahan ekonomi berasaskan kaum, kewujudan kerjasama antara parti politik menjadi suatu keperluan strategik bagi meredakan ketegangan antara kaum (Muhammad Naim Fakhirin, 2025b). Justeru, gabungan politik bukan sekadar manifestasi kompromi antara elit Melayu, Cina dan India, tetapi juga merupakan tindak balas terhadap tuntutan perlembagaan, tekanan rundingan kemerdekaan, serta keperluan membentuk kerajaan yang mampu diterima oleh semua pihak dan diiktiraf oleh kuasa kolonial (Keo, 2025). Menjelang kemerdekaan, model gabungan tersebut membentuk asas kepada kestabilan politik, bagi mengurus perbezaan kepentingan dalam masyarakat majmuk, sekali gus meletakkan asas kepada perkembangan sistem kepartian dan pemerintahan di Tanah Melayu.

Antara faktor utama pembentukan gabungan politik di Tanah Melayu ialah tekanan kolonial dan strategi British dalam mengurus politik tempatan. Selepas Perang Dunia Kedua, British berdepan dengan cabaran untuk memulihkan pentadbiran kolonial dalam keadaan kebangkitan nasionalisme dan ketidakstabilan keselamatan. Kegagalan pembentukan pentadbiran *Malayan Union* pada 1946 memaksa British menilai semula pendekatan mereka terhadap pemerintahan Tanah Melayu (CO 537/2142, 1947). Dalam kerangka tersebut, British menggalakkan kerjasama antara elit politik tempatan, khususnya antara pemimpin Melayu dan bukan Melayu, sebagai strategi untuk mewujudkan pentadbiran yang lebih stabil dan dapat diterima oleh masyarakat pelbagai kaum (CO 1071/245, 1947). Galakan terhadap pembentukan kerjasama politik antara parti etnik mencerminkan usaha British membina bentuk gabungan politik yang mampu menjamin kelangsungan kepentingan kolonial dalam tempoh peralihan kuasa (*Utusan Melayu*, 17 September 1947).

Oleh demikian, pasca kegagalan *Malayan Union* memperlihatkan kemunculan bentuk gabungan politik yang signifikan di Tanah Melayu melalui kerjasama antara AMCJA dan PUTERA pada 1947. AMCJA yang dipimpin oleh Tan Cheng Lock menghimpunkan pelbagai pertubuhan bukan Melayu, khususnya berasaskan masyarakat Cina, manakala PUTERA di bawah kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi mewakili gabungan pertubuhan politik Melayu (FCO 141/7306, 1953). Kerjasama tersebut merupakan antara percubaan terawal membentuk gabungan politik merentasi kaum dengan matlamat yang jelas, iaitu mempercepatkan proses kemerdekaan Tanah Melayu melalui pendekatan yang lebih tersusun dan berteraskan prinsip kewarganegaraan yang sama rata (FCO 141/7306, 1953). Gabungan tersebut turut mengemukakan dokumen Perlembagaan Rakyat sebagai cadangan perundangan tertinggi negara, yang menekankan konsep kedaulatan rakyat dan pemerintahan sendiri (CO 537/3755, 1948). Melalui usaha tersebut, landskap politik Tanah Melayu bergerak selangkah ke hadapan dengan memperlihatkan perubahan strategi daripada penentangan bersifat gerakan politik yang lebih tersusun, sekali gus mencerminkan kematangan wacana politik tempatan dalam menghadapi rundingan masa depan negara.

Selain itu, keperluan untuk mengekalkan kestabilan politik menjelang kemerdekaan menjadi pemangkin penting kepada pembentukan gabungan politik. Dalam suasana politik yang rapuh dan berpotensi konflik, gabungan politik dilihat sebagai jalan tengah bagi mengelakkan polarisasi etnik dan ideologi (Syaza, 2024). Kerjasama antara parti-parti utama membolehkan kompromi dicapai dalam isu-isu sensitif seperti kewarganegaraan, kedudukan istimewa orang Melayu dan pembahagian kuasa politik (*Utusan Melayu*, 26 Julai 1950). Gabungan politik bukan sahaja berfungsi sebagai alat untuk memenangi pilihan raya, malah

sebagai mekanisme membina konsensus politik yang diperlukan untuk proses perundingan kemerdekaan dan pembentukan negara bangsa.

Sehubungan itu, penubuhan Perikatan pada 1952 menandakan kemunculan sebuah gabungan politik yang lebih matang dan berorientasikan kuasa pemerintahan apabila menghimpunkan parti terbesar bagi setiap kaum utama, iaitu *United Malays National Organisation* (UMNO), *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC), sebagai gabungan politik yang tersusun dan diiktiraf oleh pentadbiran kolonial British (CO 537/7297, 1951). Gabungan tersebut bukan sahaja berjaya meraih sokongan akar umbi, malah diterima oleh golongan elit politik dan pentadbiran sebagai formula paling stabil bagi memerintah Tanah Melayu (CO 1030/309, 1954). Sokongan tersebut membolehkan Perikatan tampil sebagai gabungan arus perdana yang dominan, sekali gus mengukuhkan kedudukannya dalam arena politik nasional. Kejayaan tersebut terbukti secara jelas dalam Pilihan Raya Umum 1955 apabila Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi Persekutuan yang ditandingi, suatu pencapaian yang bukan sahaja memperlihatkan tahap sokongan merentas kaum yang signifikan, tetapi juga mengabsahkan model gabungan sebagai asas pemerintahan menjelang kemerdekaan pada 1957 (FCO 141/7413, 1955).

Faktor seterusnya ialah dinamika hubungan antara etnik dan kepentingan ekonomi dalam masyarakat majmuk Tanah Melayu yang dibentuk oleh struktur kolonial. Sistem ekonomi penjajah yang memisahkan fungsi ekonomi mengikut garis etnik Melayu dalam sektor pertanian tradisional, Cina dalam perdagangan dan perlombongan, serta India dalam perladangan mewujudkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang ketara (FO 371/111855, 1954). Dalam konteks tersebut, pembentukan gabungan politik antara parti berasaskan etnik menjadi strategi penting untuk mengimbangi tuntutan ekonomi dan politik pelbagai kelompok masyarakat. Melalui kerangka gabungan, proses rundingan dapat dilakukan secara institusional, sekali gus mengurangkan potensi konflik terbuka serta membina keyakinan antara kaum. Kerjasama tersebut turut menjadi jaminan kepada komuniti bukan Melayu terhadap hak kewarganegaraan dan peluang ekonomi mereka, di samping mengekalkan dominasi politik Melayu sebagai teras pemerintahan (Comber, 2015).

Perkara tersebut dapat dilihat dengan jelas melalui pembentukan Perikatan yang berasaskan konsep perkongsian kuasa atau kontrak sosial, iaitu formula politik yang melibatkan kepentingan utama setiap komuniti (Abdillah Noh, 2024). Dalam kerangka tersebut, MCA dan MIC menerima kepimpinan politik Melayu melalui UMNO serta pengiktirafan terhadap kedudukan istimewa orang Melayu, manakala UMNO dan masyarakat Melayu pula bersetuju menerima prinsip kewarganegaraan yang lebih terbuka kepada masyarakat Cina dan India serta mengiktiraf peranan mereka dalam pembangunan ekonomi negara (*Utusan Melayu*, 6 September 1952). Formula timbal balik itu bukan sahaja menstabilkan politik menjelang kemerdekaan, tetapi turut membentuk asas struktur politik konsosiasional yang menjadi tunjang pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu pasca 1957 (Abdillah Noh, 2024).

Di samping faktor struktur, peranan elit politik Melayu dan bukan Melayu turut memainkan peranan signifikan dalam pembentukan dan kelangsungan gabungan politik di Tanah Melayu dan seterusnya Malaysia. Elit politik bertindak sebagai 'pelaku utama' yang menyedari keterbatasan kekuatan parti masing-masing dalam sistem politik yang kompetitif dan sedang berkembang (Crouch, 2019). Kerjasama antara elit yang sering diterjemahkan melalui hubungan peribadi, jaringan tidak formal serta rundingan tertutup yang membolehkan pembentukan gabungan yang relatif stabil dan berdaya tahan (Syaza, 2024). Golongan elit

politik Melayu melihat gabungan sebagai strategi untuk mengekalkan dominasi politik Melayu serta memelihara institusi kesultanan dan kepentingan teras Bumiputera, manakala elit bukan Melayu pula menilai gabungan sebagai saluran sah untuk memperoleh pengiktirafan politik, jaminan hak kewarganegaraan dan penyertaan dalam proses pembuatan keputusan negara (Crouch, 2019).

Dinamika tersebut dapat dilihat dengan jelas dalam pembentukan BN pada 1974, apabila kepimpinan Tun Abdul Razak mengambil langkah strategik memperluas Perikatan dengan memasukkan parti-parti pembangkang seperti Parti Gerakan Malaysia (Gerakan), *People's Progressive Party* (PPP) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) ke dalam sebuah kerangka gabungan yang lebih besar (*Utusan Malaysia*, 3 Julai 1974). Tindakan tersebut bukan sahaja bertujuan meredakan ketegangan pasca Peristiwa 13 Mei 1969, malah mencerminkan strategi elit untuk menginstitusikan dominasi politik melalui pendekatan gabungan besar (*grand coalition*) yang meminimumkan persaingan dan memaksimumkan kestabilan (Crouch, 2019). Dalam kerangka Teori Gabungan Politik, langkah tersebut memperlihatkan tindakan elit memaksimumkan keuntungan politik dan mengurangkan risiko ketidakpastian dengan membentuk gabungan yang merangkumi tujuan politik yang lebih luas, sekali gus mengukuhkan hegemoni gabungan pemerintah dalam sistem politik Malaysia. Rajah 1 memaparkan keratan akhbar ulasan pemimpin UMNO dan PAS di Kelantan yang menyambut baik gabungan politik kedua-dua parti itu sebagai usaha menstabilkan politik negara.



Rajah 1. Keratan Akhbar

Sumber: *Utusan Melayu*, 20 Ogos 1974

Akhir sekali, ancaman politik radikal dan komunisme turut menjadi faktor penting yang mempercepatkan pembentukan dan pematapan gabungan politik di Tanah Melayu. Kebangkitan gerakan kiri serta pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM), khususnya dalam tempoh Darurat (1948–1960), mewujudkan keperluan mendesak untuk membentuk blok politik yang mampu menandingi daya tarikan ideologi radikal tersebut. Dalam konteks tersebut, kewujudan gabungan AMCJA-PUTERA pada 1947 memperlihatkan bentuk pendekatan politik yang bersifat radikal dan progresif, dengan tuntutan kemerdekaan segera serta gagasan Perlembagaan Rakyat yang berorientasikan kedaulatan rakyat dan kewarganegaraan yang lebih inklusif (CO 537/3749, 1948). Walaupun gabungan tersebut mencerminkan usaha merentas kaum yang jelas, namun pendekatan bertentangan terhadap pentadbiran kolonial serta hubungannya dengan kelompok kiri menyebabkan gabungan tersebut dilihat sebagai ancaman oleh British, sekali gus membawa kepada tindakan pengekangan dan pengharaman sebahagian komponennya semasa Darurat (FO 959/73, 1950).

Sebaliknya, pembentukan Perikatan pada awal 1950-an tampil sebagai alternatif politik arus perdana yang lebih sederhana dan tersusun. Gabungan UMNO–MCA–MIC menawarkan formula kerjasama antara kaum yang menekankan kestabilan, keselamatan dan rundingan berperlembagaan sebagai jalan mencapai kemerdekaan. Dalam suasana ancaman komunis yang berterusan, Perikatan memperoleh sokongan British sebagai rakan politik yang mampu menjamin kestabilan dan mengekang pengaruh radikal melalui pendekatan institusional dan pilihan raya (CO 1022/183, 1953). Justeru, gabungan politik dalam konteks tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai strategi memenangi sokongan rakyat, tetapi juga sebagai alat keselamatan politik untuk membendung ideologi ekstrem serta memastikan kesinambungan pentadbiran dan proses pembinaan negara bangsa yang lebih terkawal dan berperingkat (Muhammad Naim Fakhirin, 2025a).

Secara konklusi, pembentukan gabungan politik di Tanah Melayu merupakan hasil gabungan faktor kolonial, sosioekonomi, etnik dan elit yang saling berkait. Gabungan politik muncul sebagai penyelesaian terhadap cabaran politik yang kompleks, namun pada masa yang sama meletakkan asas kepada corak politik gabungan yang bersifat dominan dan elitis. Pemahaman terhadap faktor-faktor tersebut penting bagi menilai bukan sahaja kejayaan awal gabungan politik, tetapi juga keterbatasan dan implikasinya terhadap perkembangan demokrasi di Tanah Melayu dan Malaysia.

Isu dan Cabaran dalam Dinamika Gabungan Politik

Walaupun gabungan politik di Tanah Melayu berjaya membentuk kerangka kerjasama antara parti-parti utama dan menyumbang kepada kestabilan politik relatif, dinamika dalaman gabungan tersebut tidak terlepas daripada pelbagai isu dan cabaran yang bersifat struktural dan ideologikal (Syaza, 2024). Isu tersebut bukan sahaja mempengaruhi kelangsungan gabungan dalam jangka panjang, malah membentuk corak hubungan kuasa serta tahap keberkesanan tadbir urus politik.

Antara isu paling ketara dalam dinamika gabungan politik ialah persoalan perwakilan dan keseimbangan kuasa antara parti-parti komponen. Walaupun gabungan dibina atas prinsip kerjasama dan perkongsian kuasa, realitinya hubungan tersebut bersifat tidak sekata, khususnya apabila parti teras yang memiliki sokongan majoriti serta kawalan terhadap institusi utama negara cenderung mendominasi proses pembuatan keputusan (Young, 2021). Dalam konteks Perikatan, dominasi UMNO sebagai parti tunjang Melayu meletakkannya pada posisi

yang lebih berpengaruh berbanding MCA dan MIC, terutama dalam isu-isu berkaitan dasar bahasa, pendidikan dan kedudukan istimewa orang Melayu. situasi tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan parti komponen, terutamanya MCA. Menjelang Pilihan Raya Umum 1959, Presiden MCA, Lim Chong Eu menuntut sebanyak 40 kerusi Parlimen diperuntukkan kepada MCA, namun perkara tersebut tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman (Muhammad Naim Fakhirin, 2024). Situasi itu sekali gus membuktikan berlakunya keretakan antara parti komponen dalam gabungan politik.

Pada Pilihan Raya Umum 1969 (PRU 1969), ketidakseimbangan itu semakin terserlah apabila MCA berhadapan tekanan daripada pengundi Cina yang tidak berpuas hati terhadap prestasi parti tersebut dalam memperjuangkan isu pendidikan vernakular dan kepentingan ekonomi, sekali gus membawa kepada kemerosotan sokongan yang ketara terhadap Perikatan (Muhammad Naim Fakhirin, 2024). Keputusan pilihan raya tersebut menyaksikan Perikatan kehilangan majoriti dua pertiga di Parlimen serta mengalami kekalahan di beberapa Selangor, Pulau Pinang dan Perak, manakala MCA sendiri pada peringkat awal mengumumkan keputusan untuk tidak menyertai kabinet sebagai tanda protes terhadap prestasi yang merosot dan tekanan dalaman parti (Muhammad Naim Fakhirin, 2024). Situasi itu mencerminkan mengenai isu perwakilan dan persepsi dominasi dalam gabungan boleh menimbulkan ketegangan antara komponen, melemahkan sifat kolektif pakatan, dan akhirnya menyumbang kepada ketidakstabilan politik yang lebih luas, seperti yang terbukti melalui krisis pasca 13 Mei 1969 (Muhammad Naim Fakhirin, 2024).

Selain itu, ketegangan ideologi dan kepentingan etnik turut menjadi cabaran berterusan dalam dinamika gabungan politik di Malaysia. Gabungan yang menghimpunkan parti berasaskan etnik serta latar ideologi yang berbeza terpaksa berhadapan dengan tuntutan yang sering bercanggah, khususnya dalam isu bahasa kebangsaan, pendidikan vernakular, pengagihan ekonomi dan pembentukan identiti nasional (Syaza, 2024). Walaupun kompromi sering dicapai melalui rundingan elit dan formula perkongsian kuasa, ketegangan ideologi tersebut tidak diselesaikan secara sistematik, sebaliknya hanya diurus dan diseimbangkan mengikut keperluan politik semasa (Abdillah Noh, 2024). Situasi tersebut dapat dilihat dalam kerangka BN yang ditubuhkan sebagai perluasan Perikatan, dengan melibatkan penyertaan parti pelbagai aliran termasuk Gerakan dan PAS pada peringkat awal (Muhammad Naim Fakhirin, 2024). Walaupun BN berjaya mewujudkan kestabilan politik melalui pendekatan gabungan politik besar dan dominasi parti teras, perbezaan ideologi misalnya antara pendekatan nasionalis sekular dengan aspirasi Islam politik menjadi faktor ketegangan dalaman. Krisis hubungan UMNO–PAS yang membawa kepada penyingkiran PAS daripada BN pada 1977, memperlihatkan bahawa gabungan tersebut berfungsi terutamanya sebagai mekanisme pengurusan konflik antara elit dan etnik, bukannya penyelesaian struktural terhadap perbezaan asas yang wujud dalam masyarakat majmuk (Muhammad Naim Fakhirin, 2024).

Kemuncak kepada cabaran dinamika gabungan politik dapat dilihat dengan jelas melalui implikasi PRU 1969 yang menggugat kedudukan Perikatan sebagai gabungan pemerintah. Keputusan pilihan raya tersebut menyaksikan Perikatan kehilangan majoriti dua pertiga di Parlimen sekali gus mencerminkan kemerosotan sokongan terhadap model perkongsian kuasa sedia ada (Muhammad Naim Fakhirin, 2024). Peningkatan sokongan kepada parti pembangkang seperti DAP, Gerakan dan PAS memperlihatkan perubahan pola pengundi serta kebangkitan tuntutan yang lebih lantang berkaitan isu bahasa, pendidikan, keadilan ekonomi dan identiti nasional. Ketegangan sosial yang memuncak dan berakhir

dengan Peristiwa 13 Mei 1969 mendedahkan keterbatasan struktur Perikatan dalam mengurus persaingan politik yang semakin kompleks dan beremosi (Muhammad Naim Fakhirin, 2024). Krisis tersebut bukan sahaja mencabar legitimasi politik Perikatan, malah memaksa penstrukturan semula sistem gabungan melalui pembentukan BN. Di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak, BN memperluas kerangka gabungan dengan memasukkan beberapa parti pembangkang ke dalam gabungan besar yang lebih berstruktur (Muhammad Naim Fakhirin, 2024). Peralihan tersebut menandakan perubahan daripada gabungan yang relatif kepada model gabungan dominan yang lebih inklusif dari segi penyertaan parti, namun pada masa yang sama memperkukuh hegemoni parti teras, khususnya UMNO, disamping mengecilkan ruang persaingan pembangkang dalam sistem politik Malaysia pasca 1969.

Secara keseluruhannya, isu dan cabaran dalam dinamika gabungan politik di Tanah Melayu memperlihatkan ketegangan berterusan antara keperluan kestabilan dan tuntutan demokrasi. Gabungan politik berjaya berfungsi sebagai mekanisme pengurusan konflik dalam jangka pendek, namun berhadapan dengan batasan struktural yang menjejaskan sifat inklusif dan kompetitif sistem politik. Analisis terhadap cabaran-cabaran tersebut penting untuk memahami bukan sahaja kejayaan relatif gabungan politik awal, tetapi juga warisan politik yang terus mempengaruhi landskap politik Malaysia kontemporari.

Keberkesanan Gabungan Politik terhadap Lanskap Politik Tanah Melayu

Keberkesanan gabungan politik di Tanah Melayu perlu dinilai secara menyeluruh dengan mengambil kira keupayaannya mengekalkan kestabilan politik, membentuk sistem kepartian, serta implikasi jangka pendek dan jangka panjang terhadap landskap politik negara. Walaupun gabungan politik sering dirujuk sebagai faktor utama kejayaan peralihan kuasa yang relatif aman, penilaian yang lebih kritikal menunjukkan bahawa keberkesanan tersebut bersifat kontekstual dan disertai dengan pelbagai keterbatasan struktur (Abdillah, 2024).

Dari sudut keupayaan mengekalkan kestabilan politik, gabungan politik terbukti berfungsi sebagai mekanisme penting dalam mengurus kepelbagaian etnik dan persaingan politik, khususnya dalam tempoh sebelum dan selepas awal kemerdekaan (Muhammad Naim Fakhirin, 2025b). Kerjasama antara parti utama membolehkan pembentukan kerajaan yang stabil serta mengurangkan risiko konflik terbuka dalam masyarakat majmuk. Melalui kompromi politik dan rundingan elit, gabungan politik berjaya menyediakan asas kestabilan yang diperlukan bagi proses pembinaan negara dan pemulihan ekonomi pascaperang. Walaupun begitu, kestabilan tersebut lebih bersifat *elite-driven stability*, yang bergantung kepada persetujuan dalam kalangan pemimpin dan kurang berasaskan penyertaan politik yang luas (Muhammad Naim Fakhirin, 2025b).

Selain itu, gabungan politik memainkan peranan signifikan dalam pembinaan negara dan pembentukan sistem kepartian di Tanah Melayu. Gabungan parti utama seperti Perikatan bukan sahaja berfungsi sebagai strategi untuk pilihan raya, malah menjadi kerangka utama pembentukan sistem politik pascakolonial (Comber, 2015). Melalui gabungan politik tersebut, model sistem kepartian dominan terbentuk dengan parti teras memainkan peranan utama dalam menentukan hala tuju politik negara. Struktur tersebut menyumbang kepada pembentukan budaya politik berasaskan konsensus elit dan perkongsian kuasa terhad, yang kemudiannya menjadi ciri kekal sistem politik Malaysia (Syaza, 2024).

Proses perubahan gabungan politik daripada Perikatan kepada BN menandakan tahap kematangan tertentu dalam evolusi gabungan politik di Tanah Melayu seterusnya Malaysia.

Pembentukan BN pada 1974 memperluas skop gabungan dengan merangkumi lebih banyak parti, termasuk parti pembangkang, sekali gus mengurangkan persaingan politik secara formal (Muhammad Naim Fakhirin, 2024). Penggabungan tersebut jelas memperkuat kestabilan politik melalui pengembangan rangka kerja gabungan. Namun pada masa yang sama mengukuhkan dominasi parti teras dan mengehadkan ruang persaingan demokratik (Muhammad Naim Fakhirin, 2024). Oleh demikian, gabungan politik bukan sahaja bertindak sebagai kerjasama strategik parti sama ada untuk pilihan raya ataupun kelangsungan politik, tetapi menjadi struktur politik yang penting terhadap untuk pentadbiran negara.

Walaupun begitu, keberkesanan gabungan politik awal turut dibatasi oleh had dan kelemahan struktur yang ketara. Antaranya ialah ketidakseimbangan kuasa antara parti komponen dan ketiadaan mekanisme dalaman yang telus dan institusional untuk mengurus konflik. Struktur gabungan yang bersifat hierarki ini mengurangkan autonomi parti-parti komponen dan menyumbang kepada pengecilan ruang perbincangan politik (Nazri & Azlan, 2023). Contoh yang jelas dapat dilihat dalam hubungan antara BN dengan parti-parti dari Sarawak, khususnya Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Walaupun PBB memainkan peranan dominan dalam politik negeri dan menjadi tonggak utama BN di Sarawak, hubungan tersebut tetap beroperasi dalam kerangka pusat-negeri yang tidak seimbang, keputusan strategik utama sering dipengaruhi oleh kepimpinan pusat (Nazri & Azlan, 2023). Kebergantungan BN kepada sokongan blok Borneo, termasuk PBB, memperlihatkan wujudnya hubungan timbal balas yang sistematik, namun pada masa yang sama mengekalkan struktur kawalan yang berhierarki (Nazri & Azlan, 2023). Dalam jangka panjang, kelemahan tersebut bukan sahaja mengehadkan proses institusionalisasi gabungan secara lebih demokratik, malah menghakis daya responsif sistem politik terhadap perubahan sosioekonomi dan tuntutan masyarakat, khususnya berkaitan isu autonomi negeri, pembangunan wilayah dan perwakilan kuasa dalam kerangka Persekutuan.

Dari segi penilaian keberkesanan jangka pendek dan jangka panjang, gabungan politik di Tanah Melayu seterusnya Malaysia dianggap berkesan dalam memastikan peralihan kuasa yang aman, mengekalkan kestabilan politik, dan membentuk asas pemerintahan pascakolonial. Namun, dalam jangka panjang, model gabungan yang terlalu berorientasikan kestabilan dan dominasi elit telah menyumbang kepada kelemahan institusi demokrasi, pembekuan persaingan politik yang sihat, serta kebergantungan berlebihan kepada struktur gabungan sebagai sumber legitimasi (Muhammad Naim Fakhirin, 2025a). Oleh demikian, keberkesanan gabungan politik, dilihat sebagai kejayaan bersyarat yang membawa implikasi kompleks terhadap evolusi politik Malaysia.

Secara asasnya, gabungan politik memainkan peranan penting dalam membentuk landskap politik Tanah Melayu, namun keberkesananannya tidak bersifat mutlak. Gabungan tersebut berjaya menjamin kestabilan dan kesinambungan pemerintahan dalam konteks pascakolonial, tetapi pada masa yang sama mewariskan struktur politik yang mengekang pembaharuan demokratik. Penilaian kritikal terhadap keberkesanan tersebut penting untuk memahami bukan sahaja sejarah gabungan politik, tetapi juga cabaran yang terus dihadapi oleh politik gabungan di Malaysia kontemporari.

Analisis Perspektif Gabungan Politik: Antara Kestabilan dan Dominasi

Pembentukan gabungan politik merupakan strategi yang berkesan, terutamanya pada peringkat awal berdasarkan kepada situasi dari tekanan kolonial, keperluan kestabilan politik, serta

strategi rasional elit dalam mengurus masyarakat majmuk di Tanah Melayu (Muhammad Naim Fakhirin, 2025b). Walaupun begitu, faktor-faktor yang sama juga mewujudkan struktur gabungan yang bersifat hierarki dan elit, sekali gus membentuk kepelbagaian dalaman yang sarat dengan ketegangan yang berpunca dari perbezaan ideologi dan ketidakseimbangan kuasa. Oleh itu, keberkesanan gabungan politik perlu dilihat sebagai hasil timbal-balik antara keperluan kestabilan dan batasan struktur yang dibina sejak awal.

Isu-isu dalaman gabungan politik seperti dominasi parti teras, dan respons terhadap perubahan sokongan pengundi secara langsung mempengaruhi tahap keberkesanan gabungan dalam jangka panjang. Gabungan politik berjaya mengekalkan kestabilan dan kesinambungan pemerintahan, namun kejayaan tersebut dibayar dengan pengurangan daya saing politik dan pembekuan pembaharuan institusi (Crouch, 2019). Dalam konteks tersebut, keberkesanan gabungan politik di Tanah Melayu, sejak dari Perikatan sehingga kepada BN lebih tepat ditafsirkan sebagai *stability-oriented effectiveness*, iaitu keberkesanan yang berasaskan keupayaan mengekalkan kuasa dan ketertiban politik, bukan perluasan penyertaan demokrasi.

Apabila dibandingkan dengan pengalaman gabungan politik di negara pascakolonial lain, pola yang hampir serupa dapat diperhatikan. Di India, misalnya, gabungan awal pascakemerdekaan berfungsi untuk mengurus kepelbagaian etnik, namun akhirnya berdepan keretakan akibat tekanan demokratisasi dan politik wilayah (Jang, 2023). Di Sri Lanka pula, kegagalan membina gabungan politik yang inklusif menyumbang kepada konflik etnik berpanjangan. Sementara itu, pengalaman Indonesia pasca Perang Dunia Kedua memperlihatkan peralihan daripada gabungan politik kepelbagaian kepada dominasi autoritarian, yang turut mengekang persaingan politik (Jang, 2023). Perbandingan tersebut menunjukkan bahawa gabungan politik di negara pascakolonial lazimnya berhadapan dilema antara kestabilan dan keterangkuman, dengan pilihan terhadap kestabilan sering menghasilkan struktur politik yang kurang responsif.

Justeru, kajian ini turut menilai secara tematik dan naratif konsep ‘kejayaan’ gabungan politik yang jarang diketengahkan dalam wacana politik Malaysia bagi memahami keberkesanan tindakan tersebut berasaskan realiti sejarah dan kepelbagaian politik yang sebenar. Walaupun tidak dapat dinafikan gabungan politik menyumbang kepada kestabilan dan pembinaan negara, naratif kejayaan yang tidak kritis berisiko menutup kelemahan struktur dan implikasi jangka panjang terhadap demokrasi. Kejayaan gabungan politik dinilai bukan sahaja berdasarkan tempoh pemerintahan dan kemenangan pilihan raya, tetapi turut melibatkan tahap kejayaan gabungan politik membawa pembaharuan institusi dan persaingan yang sihat.

Kesimpulan

Secara konklusinya, kajian ini meneliti perkembangan gabungan politik di Tanah Melayu dalam tempoh 1947 hingga 1974 dengan menumpukan kepada faktor pembentukan, kepelbagaian dalaman serta tahap keberkesanan terhadap landskap politik. Strategi gabungan politik itu muncul sebagai penyelesaian terhadap cabaran politik pascaperang, khususnya dalam konteks tekanan kolonial, keperluan kestabilan politik dan pengurusan kepelbagaian etnik. Pembentukan gabungan politik bukan sekadar strategi pilihan raya, malah merupakan mekanisme yang membentuk asas pemerintahan dan sistem kepartian pascakolonial. Walaupun begitu, keberkesanan gabungan politik bersifat bersyarat dan tidak bebas daripada keterbatasan struktur. Gabungan politik berjaya mengekalkan kestabilan dan kesinambungan pemerintahan dalam jangka pendek, namun pada masa yang sama turut

melibatkan hubungan kuasa yang tidak seimbang, dominasi elit dan pengecilan ruang persaingan politik. Isu perwakilan, ketegangan ideologi, serta kelemahan mekanisme pengurusan konflik dalaman menunjukkan bahawa gabungan politik lebih berfungsi sebagai alat pengawalan politik berbanding pengurusan demokrasi. Perubahan gabungan politik daripada Perikatan kepada BN selepas krisis politik 1969 menandakan usaha memperkukuh kestabilan melalui pengembangan struktur gabungan. Namun, langkah tersebut juga memperkukuh ciri sistem kepartian dominan dan mengurangkan peranan pembangkang sebagai elemen semak dan imbang. Dalam konteks tersebut, gabungan politik memainkan peranan sebagai pemangkin pembinaan negara dan pada masa yang sama sebagai faktor yang membentuk had perkembangan demokrasi.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan MINDEN: Journal of History and Archaeology, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia kerana memberi galakan dan panduan yang sempurna dalam membantu penulisan ini.

Rujukan

- Abdillah Noh. (2024). *Malaysia's State Formation Small Steps and Large Outcomes of a Contested Leviathan*. Singapore: Taylor & Francis.
- Ahmad Farhan Abdullah @ Zakaria. (2021). "Orang Besar Daerah di Selangor, 1782-1857: Penerusan dan Perubahan." *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Vol. 4 (1).
- CO 537/2142. (1947). Malayan Union: Policy.
- CO 537/3749. (1948). Malaya: Political developments; 'The Malayan Monitor'.
- CO 537/3755. (1948). Malaya: Political developments; monthly summaries.
- CO 537/7297. (1951). Political developments: Influence of Dato Onn President of the United Malays National Organisation (UMNO) in Malayan politics.
- CO 1022/183. (1953). Constitution and functions of the "United Malays National Organisation" (UMNO).
- CO 1030/309. (1954). United Malay National Organisation (UMNO) and Malayan Chinese Association (MCA) Alliance.
- CO 1071/245. (1947). Malayan Union: Colonial Reports.
- Comber, L. (2015). *Templer and the Road to Malayan Independence: The Man and His Time*. Singapore: ISEAS.
- Crouch, H. (2019). *Government and Society in Malaysia*. Cornell: Cornell University Press.
- FCO 141/7306. (1953). Malaya: Monthly political intelligence reports.
- FCO 141/7413. (1955). Malaya: Federal Elections, 1955.
- FO 371/111855. (1954). Malaya: Monthly emergency and political reports.
- FO 959/73. (1950). Malaya: Emergency regulations.
- Hack, Karl. (2021). *The Malayan Emergency: Revolution and Counterinsurgency at the End of Empire*. London: Cambridge University Press.
- Hass, M. (2023). *Beyond Polarized American Democracy: From Mass Society to Coups and Civil War*. New York: Taylor & Francis.
- Jang, Jin Hyuk. (2023). "Partisan distribution of ministerial portfolios in Asian-Pacific democracies." *Sage Journals*, Volume 30, Issue 5.

- Keo, B. Z. (2025). *Imagining Malaya Peranakan Cosmopolitanism, Nationalism, and Belonging at the End of Empire, 1945–1957*. London: Oxford University Press.
- Mellors, C. (2025). “Non-Majority British Local Authorities in a Majority Setting.” Dalam Bert Pijnenburg, Colin Mellors (eds), *Political Parties and Coalitions in European Local Government*. New York: Taylor & Francis.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2023). “UMNO’s Prospects: Oblivion, Survival or Recovery.” *Perspective*, Vol. 94.
- Muhammad Naim Fakhirin. (2024). Strategi *Democratic Action Party* (DAP) Dalam Mengatasi *Malaysian Chinese Association* (MCA) Dalam Pilihan Raya Di Johor, 2004-2018. Thesis PhD, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Muhammad Naim Fakhirin. (2025a). “Koordinasi UMNO dalam Politik dan Pilihan Raya di Singapura: Faktor, Strategi dan Prestasi, 1954-1959.” *Sarjana* Vol. 40, No. 2.
- Muhammad Naim Fakhirin. (2025b). “Tinjauan Awal Terhadap Tindakan British Dalam Usaha Berkaitan Proses Berkerajaan Sendiri di Singapura, 1948-1959.” *e-Bangi*, Vol. 22 (2).
- Muhammad Yusof Hashim. (2016). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mullera, W. C., Back, H. & Hellstrom, J. (2024). “Coalition Dynamics: Advances in The Study of the Coalition Life Cycle.” *West European Politics* Vol. 47 (1), pp. 1-30.
- Nadzri, M. N. & Azlan, A. A. (2023). “UMNO in GE15: Factionalism and its effects.” *The Commonwealth Journal of International Affairs and Policy Studies*, Vol. 112.
- Shapiro, I. (2023). *Political Criticism*. California: California University Press.
- Syaza Shukri. (2024). *Elite Populism and Malay Political Leaders in Malaysia*. Singapore: Springer Nature.
- Utusan Malaysia*, 3 Julai 1974.
- Utusan Melayu*, 17 September 1947.
- Utusan Melayu*, 20 Ogos 1974.
- Utusan Melayu*, 26 Julai 1950.
- Utusan Melayu*, 6 September 1952.
- Yeoh, T. (2025). *Reviving UMNO: Party Institutionalization and Coalition Management in Selangor and Malacca*. Singapore: ISEAS.
- Young. S. (2021). *Strategies of Authoritarian Survival and Dissensus in Southeast Asia*. Singapore: Springer Nature Inc.

